

10 SEP 2002

Mahathir-Cuepacs

KEPIMPINAN TERBUKA CUEPACS HINDAR NEGARA DARIPADA TINDAKAN PERUSAHAAN

KUALA TERENGGANU, 10 Sept (Bernama) -- Kepimpinan yang terbuka dan mengutamakan rundingan dalam Cuepacs telah berjaya menghindarkan negara daripada tindakan perusahaan yang boleh menjejaskan pentadbiran kerajaan.

Ini dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kata-kata aluannya pada buku biografi presiden Cuepacs Datuk N.Siva Subramaniam yang berjudul 'Datuk Siva Pejuang Kaum Pekerja'.

Buku itu akan dilancarkan sempena Persidangan Kesatuan Perguruan Kebangsaan (KPPK) di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata ia juga telah menghindarkan masalah yang sama terhadap pembangunan sosial dan ekonomi negara.

"Dalam menangani sebarang isu, konsep musyawarah yang diamalkan Cuepacs di bawah kepimpinan Datuk Siva (Subramaniam) telah membuktikan bahawa setiap masalah dapat diselesaikan secara rundingan.

"Saya bangga dengan Cuepacs kerana ia berjaya menyatupadukan ahli-ahlinya melalui pelbagai program yang bertujuan membina masyarakat Malaysia yang mantap dan maju," katanya.

Buku setebal 134 muka surat karya penulis Terengganu, Awang Abdullah akan dilancarkan Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Samsudin sempena perasmian persidangan kesatuan itu.

Perdana Menteri berkata membukukan riwayat hidup dan kisah perjuangan aktivis kesatuan yang banyak pengalaman dan berjasa seperti Datuk Siva adalah satu usaha bijak kerana ia dapat menjadi panduan dan rujukan kepada pemimpin kesatuan.

Menurut beliau Siva bukan sahaja pemimpin kesatuan yang dipilih untuk mengetuai 108,000 guru dalam KPPK tetapi juga menjadi guru pertama yang diberikan kepercayaan menjadi Presiden Cuepacs.

"Ini bermakna kepimpinan beliau bukan sahaja diterima oleh kaum guru tetapi juga direstui oleh hampir sejuta kakitangan awam di seluruh negara.

"Saya berharap biografi ini akan menjadi satu lagi bahan penting dan bersejarah untuk tatapan generasi muda kita yang cintakan bangsa dan keamanan serta negara," katanya.

-- BERNAMA

AYB SN PR